

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KERTAS SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI SENIBINA J29  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

- 1. TARIKH SUKATAN PEPERIKSAAN DILULUSKAN**  
Sukatan peperiksaan ini diluluskan oleh Panel Subjek Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 30 November 2011.
- 2. TUJUAN**  
Menguji kefahaman dan pengetahuan Penolong Pegawai Senibina J29 dalam bidang Senibina untuk pengesahan dalam jawatan.
- 3. OBJEKTIF**  
Memastikan Penolong Pegawai Senibina J29 yang baru dilantik mempunyai pengetahuan asas dan kefahaman untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.
- 4. PEGAWAI YANG LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN**  
Penolong Pegawai Senibina J29 yang belum disahkan dalam jawatan.
- 5. SOALAN YANG PERLU DIJAWAB**  
Mengikut sukatan peperiksaan.
- 6. TAHAP KESUKARAN SOALAN**  
Pengetahuan dan pemahaman.
- 7. RUJUKAN SEMASA PEPERIKSAAN**  
Calon-calon tidak dibenarkan merujuk bahan-bahan bacaan / rujukan semasa peperiksaan kecuali yang dibenarkan dalam sukatan peperiksaan.
- 8. PENGECUALIAN**  
Calon-calon yang telah lulus mana-mana kertas tidak perlu mengulangi kertas tersebut.
- 9. KEPUTUSAN**  
Lulus / Kandas
- 10. LANTIKAN PEMERIKSA**  
Pemeriksa dilantik oleh Panel Subjek Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 11. BAHASA**  
Soalan dan jawapan adalah dalam Bahasa Malaysia.
- 12. PERMOHONAN**  
Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.
- 13. PUSAT PEPERIKSAAN**  
Pusat Peperiksaan akan ditetapkan oleh Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 14. KEKERAPAN PEPERIKSAAN**  
Peperiksaan diadakan **dua (2)** kali setahun.

KOD SKIM / SUBJEK	KERTAS II - SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI SENIBINA J29
B2251 / PS251	<p><b>1. Aplikasi Perundangan, Peraturan Dan Garis Panduan</b> Kertas soalan ini bertujuan menguji kecekapan dan kemahiran calon mengenai pengetahuan, pemahaman dan aplikasi perundangan, peraturan dan garis panduan berkaitan bangunan dalam proses kerja harian di Jabatan Rekabentuk Bandar &amp; Bangunan dan Jabatan Pelaksanaan Projek &amp; Penyelenggaraan Perumahan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ruang lingkup soalan adalah berdasarkan kepada tetapi tidak terhad dari perundangan, peraturan dan garis panduan terkini dan terpakai seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Akta Ibu Kota Persekutuan 1960</li> <li>b. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974</li> <li>c. Undang-Undang Kecil Bangunan 1984</li> <li>d. Undang-Undang Kecil OKU</li> <li>e. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020</li> <li>f. Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020</li> <li>g. Dokumen Kontrak Kerja 203 / 203A</li> </ol> <p><b>2. Aplikasi Teknologi Bangunan</b> Kertas ini bertujuan menguji kecekapan dan kemahiran calon mengenai pengetahuan, pemahaman dan aplikasi perundangan, peraturan dan garis panduan berkaitan bangunan dalam proses kerja harian di Jabatan Rekabentuk Bandar &amp; Bangunan dan Jabatan Pelaksanaan Projek &amp; Penyelenggaraan Perumahan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ruang lingkup soalan adalah berdasarkan kepada tetapi tidak terhad dari aspek bangunan dan teknologi-teknologi berkaitan terkini dan terpakai seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Rekabentuk Bangunan dan Struktur Binaan</li> <li>b. Teknologi Pembinaan Bangunan</li> <li>c. Teknologi Sistem Servis Bangunan</li> <li>d. Spesifikasi bahan, kelengkapan dan kemasan bangunan</li> </ol> <p><b>Soalan yang perlu dijawab :</b> Soalan : 8 jawab 5 (Esei) Markah : 100% Masa : 3 Jam</p> <p><b>Arahan :</b> * Calon-calon <b>tidak dibenarkan</b> merujuk bahan-bahan bacaan / rujukan semasa peperiksaan.</p>

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KERTAS SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI SENIBINA J29  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

KOD SKIM / SUBJEK	KERTAS III - AMALI
<p align="center"><b>B2251 / PS252</b></p>	<p><b>1. Amalan Proses Kerja</b> Kertas soalan ini bertujuan menguji kecekapan dan kemahiran calon mengenai proses kerja harian di Jabatan Rekabentuk Bandar &amp; Bangunan dan Jabatan Pelaksanaan Projek &amp; Penyelenggaraan Perumahan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Soalan adalah berbentuk 'real life work assignment' berdasarkan kepada 10 bidang pengkhususan iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Proses Penyediaan Lukisan Persembahan</li> <li>b. Proses Kerja Pemuliharaan Bangunan</li> <li>c. Proses Penyediaan Draf Garis Panduan</li> <li>d. Proses Kerja Kelulusan Pelan Bangunan</li> <li>e. Proses Kerja Pemantauan Tapak Bina</li> <li>f. Proses Kerja Penguatkuasaan Bangunan</li> <li>g. Proses Kerja Pemeriksaan Berkala</li> <li>h. Proses Pemantauan &amp; Pengurusan Data</li> <li>i. Proses Pengurusan Projek</li> <li>j. Proses Pengurusan Tapak Bina</li> </ol> <p><b>Soalan yang perlu dijawab :</b></p> <p>Soalan : 10 jawab 1 (Esei / Praktikal) Markah : 100% Masa : 4 Jam</p> <p><b>Arahan :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon disediakan terminal komputer setiap seorang dan beberapa pencetak berwarna untuk digunakan secara berkongsi. Tempoh masa percetakan adalah setelah tempoh masa peperiksaan tamat.</li> <li>2. Calon dibekalkan data dan maklumat format laporan/ kenyataan bertulis, lukisan/ lakaran, rajah/ jadual dan gambar dalam bentuk digital atau 'hardcopy'.</li> <li>3. Calon dibenarkan menyediakan jawapan dalam FORMAT kombinasi laporan bertulis, lukisan/ lakaran, rajah/ jadual dan gambar.</li> <li>4. Calon hanya dibenarkan menyediakan jawapan dalam bentuk DIGITAL dengan menggunakan kombinasi perisian-perisian Microsoft Word 2007, Microsoft Excel 2007, Sketchup, Fastcad dan Autocad sahaja.</li> <li>5. Di akhir tempoh peperiksaan, calon dikehendaki mencetak hanya 1 salinan berwarna sahaja.</li> </ol>